

29 Siswa UMS Jadi 'Sukarelawan' DBKK

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 11:56 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 477

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**JUMAAT, 25
OGOS** –
Seramai 29
pelajar
Universiti
Malaysia
Sabah (UMS)
menjadi
antara
perintis
program Gap
Year

Kesukarelawan melalui aktiviti kesukarelawan bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, menerusi program tersebut, para peserta dapat menyelami kerja-kerja yang telah diusahakan oleh DBKK untuk menjaga persekitaran terutamanya di kawasan Kota Kinabalu yang menjadi tarikan pelancong luar dan dalam negara.

“Hasil kerjasama dengan DBKK selaku rakan strategik UMS, para peserta berpeluang untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan fungsi dan usaha DBKK dalam menjaga persekitaran bandaraya.

“Program seperti ini mengambil masa yang panjang demi menjaga dan memberikan kesedaran kepada masyarakat akan peri pentingnya menjaga alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Ismail Ali bersempena Majlis Penghargaan Peserta Program Gap Year (*Summer Volunteerism*) Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 di Bangunan DBKK, pagi tadi.

Ujar beliau, para peserta diharap dapat memanfaatkan peluang ini untuk menimba seberapa banyak ilmu baharu.

Sementara itu, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Yeo Boon Hai dalam ucapannya turut berharap agar para pelajar UMS yang menyertai program itu dapat memupuk dan menyebarkan konsep dan semangat kesukarelawan.

“Masyarakat perlu ada semangat kesukarelawan kerana semangat sebegini mampu mendidik mereka untuk menjadi lebih bertanggungjawab khususnya terhadap penjagaan alam sekitar, selain memupuk semangat muhibah melalui aktiviti yang dijalankan bersama tanpa mengira kaum dan agama,” katanya.

Pada majlis tersebut, Datuk Yeo menyampaikan sijil penghargaan kepada para peserta Program Gap Year (*Summer Volunteerism*) 2017 sebagai menghargai sumbangan dan khidmat bakti yang dijalankan sejak 5 Julai lalu dan dijangka berakhir pada 30 Ogos ini.

Hadir sama pada majlis itu Ketua Pengarah DBKK, Datuk Joannes Solidau; Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Prof. Madya Dr. Sopian Bujang; dan Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya, DBKK Robert Lipon.